

# Sukuk Cagamas terlebih langganan

---

**PETALING JAYA:** Cagamas Berhad mengumumkan terbitan agregatnya sebanyak RM1.03 bilion merangkumi RM100 juta setahun untuk Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) dan terbitan IMTN selama tiga tahun bernilai RM930 juta.

Hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pembiayaan Islam daripada sistem kewangan domestik.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong berkata, terbitan terkini syarikat itu adalah didorong permintaan yang menggalakkan daripada pelabur dalam keadaan pasaran mencabar susulan petunjuk kukuh mengenai pengurangan mudah tunai dan peningkatan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS).

“Penilaian IMTN itu dibuat menerusi langkah penetapan harga awam yang berjaya menarik penyertaan daripada pelbagai asas pelabur yang terdiri daripada institusi kewangan, syarikat insurans, pengurus aset dan badan berkanun.

“Permintaan terhadap nota terbitan itu sangat luar biasa menyebabkan tranche tiga tahun terhadap daripada panduan harga awal sebanyak 3.3 peratus kepada 3.31 peratus dan meningkat daripada RM500 juta permulaan kepada saiz terbitan akhir sebanyak RM930 juta.

“IMTN itu mencatatkan tebaran sebanyak 42 masa asas (bps) terhadap Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia,” katanya dalam kenyataan.

Menurut Cagamas, terbitan terkini itu menjadikan jumlah terbitan agregat syarikat bagi tahun itu sebanyak RM1.33 bilion.